

20/02/1999

Tindakan pembangkang cemar imej negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan parti pembangkang serta segelintir peguam yang melemparkan pelbagai tohmahan terhadap pemimpin dan sistem di negara ini bukan saja merosakkan imej malah mengelirukan pelajar Malaysia di luar negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, sehubungan itu, kementeriannya menjadikan usaha bertindak balas terhadap fitnah serta laporan negatif mengenai negara dan juga pemimpin sebagai misi paling pentingnya.

"Kita tidak mahu pelajar dan juga orang luar hanya terdedah kepada satu sudut cerita terutama yang negatif. Mereka perlu mengetahui keadaan sebenar, sama ada mengenai sistem atau perkembangan yang berlaku," katanya pada sidang akhbar di Wisma Putra, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan seorang pelajar Malaysia yang meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan ketika perjumpaan Perdana Menteri dengan pelajar di London sebelum ke Jamaica baru-baru ini.

Sambil menyifatkan ia tidak mencerminkan pendapat semua pelajar, Syed Hamid berkata, perkara itu berlaku kerana masalah tidak memahami perkara sebenar yang berlaku.

Katanya, pelajar Malaysia di luar negara banyak dipengaruhi laporan berat sebelah media asing dan maklumat tidak tepat dalam Internet.

"Di samping itu ada parti pembangkang dan peguam keluar negara menceritakan pelbagai perkara yang tidak tepat mengenai Malaysia serta cuba membawakan isu yang boleh merosakkan nama negara dengan niat dan tujuan tersendiri," katanya.

Beliau berkata, kementeriannya akan memantau semua aktiviti itu dan bertindak balas terhadap publisiti buruk itu bagi memastikan imej yang baik untuk negara dan pemimpin.

Katanya bagaimanapun tugas itu tidak seharusnya diserahkan kepada Kementerian Luar semata-mata, tetapi oleh semua pihak termasuk peniaga dan juga pemimpin negara yang lain.

"Terdapat banyak perkara positif berlaku di negara ini. Sebagai contoh, kita mempunyai suasana yang baik untuk pelaburan. Kita perlu perjelaskan ini. Kita selalu mendapat publisiti sebaliknya tetapi ini tidak benar," katanya.

Syed Hamid berkata, pada mesyuarat G-15 di Jamaica baru-baru ini beliau telah menulis kepada semua rakan sejawatannya memberikan maklumat mengenai negara ini termasuk langkah yang diambil Malaysia di dalam sektor Kewangan, kenyataan Perdana Menteri mengenai kawalan tukaran asing dan lain-lain.

"Dengan melakukan perkara itu kita dapat memperbaiki imej kita, menceritakan dari pihak kita," katanya.

(END)